



## SIARAN AKHBAR PRESS STATEMENT

S.A. 2019/01/04 (HQ)

### KAKITANGAN TNB DIGANTUNG TUGAS, SEMENTARA SIASATAN DIJALANKAN

**Tenaga Nasional Berhad (TNB)** telah menerima aduan mengenai kenyataan yang didakwa dibuat salah seorang kakitangan syarikat ini melalui media sosialnya.

Kami memandang serius mengenai perkara ini dan kesal atas posting tersebut.

Sebagai syarikat yang mengutamakan nilai-nilai murni dan integriti tinggi, kami tidak berkompromi terhadap mana-mana kakitangan kami yang membuat kenyataan sebegini.

Siasatan dalaman telah pun berjalan dan pekerja terlibat telah digantung tugas dengan serta merta.

Kami ingin menegaskan, kenyataan tersebut adalah pendapat individu itu sendiri dan bercanggah dengan prinsip-prinsip TNB.

**Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 8 Januari 2019**

*Untuk pertanyaan lanjut, sila hubungi Norfadzilah Sha'ary di talian 019-3369681 /  
Fazreen Eksan di talian 019-3160401 atau e-mel ke [media@tnb.com.my](mailto:media@tnb.com.my)*